

HARAM HALAL

Chedet.cc

23 Januari 2018

Tun Dr Mahathir Mohamad

1. Saya dipesan, bahkan dilarang oleh kawan dan musuh supaya tidak berkata apa-apa berkenaan agama Islam, agama saya.

2. Mereka berkata bahawa saya tidak berpelajaran agama dan tidak faham bahasa Arab. Dan saya tidak ternampak sebagai seorang ulama iaitu saya tidak berserban dan berjubah dan tidak pula berkasut selipar.

3. Saya dinasihat supaya dengar sahajalah ajaran dan sharahan yang disampaikan oleh orang yang layak, iaitu orang agama yang terlatih dan berpelajaran agama walaupun setakat pondok di kampung.

4. Saya terima baik nasihat mereka. Saya tidak akan bercakap atau bersyarah.

5. Tetapi saya tidak dilarang bertanya jika ada perkara-perkara yang saya perlu penjelasan dari orang alim dalam agama Islam. Sesungguhnya banyaklah perkara yang mengelirukan saya berkenaan agama Islam.

6. Di antaranya ialah berkenaan haram halal. Saya sejak kecil lagi diberitahu bahawa daging babi haram dimakan oleh orang Islam.

7. Bolehkah saya tanya jika babi disembelih dengan menyebut nama Tuhan, haram lagikah daging babi itu?

8. Susulan dari itu ingin saya tanya lagi. Duit yang dicuri haram atau tidak? Jika haram bolehkah duit itu dihalalkan dengan menggunakannya untuk ibadah haji atau umrah.

9. Jika kita tidak tahu duit itu dicuri salahkah jika duit itu diguna untuk buat ibadah haji? Jika kita tahu bahawa duit itu dicuri, halalkah duit itu jika diguna untuk kerja haji.

10. Semasa saya masih budak-budak, ada fatwa bahawa mayat tidak boleh dimuat atas kereta bermotor. Di waktu jenazah Tunku Ibrahim, regent Kedah dibawa dari Anak Bukit ke Makam diRaja di Langgar, jenazah dimuat di atas sebuah kereta yang ditarik dengan dua tali oleh beberapa orang. Ini saya lihat dengan mata kepala saya sendiri. Saya diberitahu adalah haram memuat jenazah di atas kereta bermotor. Sebabnya ialah kerana motor adalah buatan orang kafir. Tetapi sekarang kereta jenazah semuanya bermotor. Apakah telah jadi kepada fatwa dahulu?

11. Teringat saya kepada sebuah amanat yang mendakwa Kerajaan Malaysia kafir kerana ia mengamal sistem kafir. Sehingga sekarang pihak yang bertanggungjawab berkenaan agama Islam tidak menolak amanat ini. Benarkah Kerajaan Malaysia ini kafir dan perlu tentangan jihad, dan kematian semasa berjuang adalah syahid.

12. Ya banyak lagi dari ajaran Islam dan amalannya yang mengeliru saya. Saya akan tanya sedikit-sedikit.

13. Saya harap saya tidak dinasihat supaya jangan tanya. Saya dengar banyak tazkirah dan syarahan agama oleh "ulama". Tetapi soal-soal yang saya

keliru ini tidak pernah disentuh melainkan oleh orang tertentu yang mempunyai kepentingan lain dari agama Islam.

7 thoughts on "HARAM HALAL"

Log in to Reply Bungalalang Jan 24,2018 3:24 AM

Salam tun..pohon utk memberi pendapat..

1. Babi walau di somboleh dgn name Allah pun tetap haram ..sebab Daging Babi adalah di haramkan utk dimakan oleh Allah..

Allah haramkan Darah, bangkai, Daging Babi & sembelihan yg bukan atas nama Allah.

2. Bukanlah tahap akademik agama atau kelihatan alim Dan bersoban yg menentukan syurga neraka.. Dan maknusia ini tidak boleh menentukan syurga atau neraka seseorang hatta nabi Kita sendiri..

Allah berfirman.. katakanlah " siapa Tuhan kami" mereka jawab "Allah"

Katakanlah " siapa menurunkan hujan" mereka jawab "Allah".. lalu nabi pun berkata " Alhamdulillah" ttp sesungguhnya kebanyakan dari mereka masuk neraka... ???? Kerana tauhidnya..yg Mana nabi Tak tahu apa yg Ada dlm hati mereka sedangkan Allah tahu apa yg Ada dlm hati mereka..Allah tahu apa yg mereka jaharkan (yg di isytiharkan) ..Allah tahu apa yg berada di hadapan mereka & Allah tahu apa yg berada di belakang mereka...

3. Zamihan itu sudah melampau dlm kata-katanya dgn menghina tun dgn sedemikian Rupa.. sbg umat Islam yg hendak bertakwa.. perkataan sedemikian sepatutnya amat takut utk di lafazkan..

Allah berfirman.. wahai Musa Aku Allah melantikmu sbg seorang rasul.. sesungguhnya firauun itu sudah melampau.. pergi kamu berjumpa dgn firauun Dan seru firauun supaya menyembah Aku (Allah)..

Zamihan..zamihan.. semoga Allah lembutkan hatinya yg keras Dan sama-sama Kita menegakkan kalimah Allah..Dan bukannya berdegau-degau utk menunjukkan sbg hero agama..

Allah berfirman.. kamu menyangka kamu membuat amal soleh tapi sebenarnya kamu merintis jalan ke neraka..

5. Allah melarang Kita menolak atau menidakkan orang lain dgn kata-kata kasar malah Allah suruh menolak dgn kata-kata yg baik kerana dgn Cara itu orang itu akan lebih mendekati Kita.. ambillah iktibar, pengajaran, peringatan, petunjuk dari Al Quran Allah...

Log in to Reply rimba.emas Jan 23,2018 11:25 PM

Salam Tun.

1. Tun pedulikan mereka yang melarang dari berkata tentang Islam. Kalau Rasullullah s.a.w sendiri di tentang ketika berdakwah inikan insan biasa siapalah kita pada pandangan orang ramai.

2. Bagaimana pun Tun seorang bekas pemimpin yang di kenali ramai atau popular dari rakyat kebanyakan pasti ada pengikut setia.

3. Soal Islam ini sebenarnya bukan hanya tentang di dunia sahaja sebaliknya membawa kepada alam akhirat.

4. Bagi Rimba Emas pegang amanat sampaikan pesan Rasullulah s.a.w tentang KEBENARAN DARI AL-QURAN dengan sabar tanpa emosi kerana soal menerimanya (hidayah) terletak pada kuasa Allah s.w.t.

5. Lagi pun sudah di ingatkan berhati-hati dengan Pendakwah yang kata-katanya berlainan dengan akhlak dari Al-Quran.

6. Di sebabkan tiada lagi manusia yang tidak pernah melakukan dosa maka tiada sebab untuk Tun dan rakyat Malaysia yang lain tidak boleh bercakap tentang Islam.

7. Belajarlah agama Islam sehinggalah hari terakhir kita hidup sebelum berjumpa tuhan untuk di hisap.

Wallahua'lam.

Log in to Reply tamchi Jan 23,2018 10:18 PM

Salam Tun,

Salam juga pada tuan asahamat..

Suatu komen yg tepat..

Mohon izin c&p..

TerimaKasih tuan,

□

Log in to Reply sibotak Jan 23,2018 8:03 PM

Keimanan , Ketakwaan seseorang

Tidak terletak pada Songkok , Selendang atau Jubahnya

Log in to Reply asahamat Jan 23,2018 7:43 PM

Assalamualaikum wbt Tun

PH sudah dapat tembusi hampir semua kubu kuat UMNO & PAS. Rata2 rakyat sedar akan masalah cost hidup yg kian mahal. Rakyat juga masih ingat akan jasa2 Tun. What needed now is for PH to keep the momentum of interest for change among our rakyat Kampung & Felda n the young.

(2) Cuma, khususnya generasi muda dan mereka yg taksub dgn Reformasi 2003-2013, sifat benci mereka terhadap Tun masih tebal. Mereka ini saya lihat sedang bergerak menongkah kebangkitan rakyat. Akibatnya, nada2 mereka spt menikam PH dari dalam. Dgn adanya unsur2 ini, maka Najib MO1 hanya perlu sedikit usaha mengipas utk membakar hangus PH.

(3) Golongan ini tidak sukakan Najib MO1. Mereka juga masih berdendam kuat terhadap Tun. Soal mereka benar atau tidak, bukan isunya. Mereka mahu

Najib MO1 dan Tun terhukum sama, barulah mereka puas. Soal masa depan Negara, itu soal kedua. Yg penting nafsu dendam dan kebencian mereka mesti dibereskan dulu. PH jgn pandang remeh kumpulan ini. Kegemaran dan kemahiran mereka dlm mengguna Media Sosial sebagai jln menyebarkan pendirian mereka pasti punya kesan jauh di kalangan pengundi muda yg kekurangan segala maklumat sebenar. Fitnah paling cepat tersebar dan mudah dipercayai. Jika ini terjadi pasti ianya memberikan kesan di kalangan ibu bapa sanak sdra mereka juga. Akhirnya usaha2 keras PH being neutralized.

(4) Golongan ini perlu ditangani secara sabar dan penuh hemah. Serangan ke atas mereka lebih memburukkan keadaan dari mengekang @ menang. PH terutama PKR n DAP harus ke depan utk bersemuka dgn mereka ini. Amanah boleh memainkan peranan mendamai yg baik jika betul caranya. Bersatu kena bijak mengatur langkah untuk mencelah.

(5) Buat Tun, keep your big heart approach on them. Hindarlah dari menjawab apa lagi menuduh mereka. Being PH De Facto PM, your focus harus terus saja utk kemukakan bayangan langkah2 utk selamatkan Negara. Your war is not with them. Your battle is now to show to the rakyat that you is the one that the Nation is in need. You should now take PH a step ahead to rebuild this Nation. You should no more be arguing over all those that you had used to be attacking. For you to continue to act as such boleh membosankan rakyat. Semua sudah tahu segala keburukan Najib MO1. Saya yakin your focus should now to really define the REFORM that the Nation need. Let really talk about REFORM supaya the second you grap the power, you can easily drag everybody to the REFORM movement that we want & must be doing. Good now for PH to organise open discussion on REFORM: Substance, Approach n Sceduling. I have strong believe, such effort will bring the young closer to PH n voting for PH.

(6) Tun pls significantly demonstrate your willingness to change yourself to the demand of the rakyat as your best strategy to push PH to win the GE with style & high respect.

Log in to Reply tariqmind Jan 23,2018 3:01 PM

Assalamualaikum Tun,

Salam sihat untuk Tun dan sekeluarga.

Pada saya banyak persoalan halal haram ini yang boleh diperluaskan oleh alim ulama dalam negara.

Antaranya, Tun boleh bertanya:

1. 'Halal'kah seorang pemimpin tertinggi negara memasukkan Dana Awam yang terbukti milik Rakyat ke dalam akaunnya yang bernilai RM2.6 billion dan jumlah besar yang lain?
2. 'Halal' kah Dana Awam tersebut digunakan mengikut suka hati beliau tanpa ada teguran keras daripada alim ulama negara?
3. 'Halal' kah Dana Awam diberikan kepada anak tiri pemimpin tertinggi negara dan digunakan untuk membuat filem separa lucah HARAM untuk ditonton penduduk sebahagian dalam dunia ini?

4. 'Halal' kah Dana Awam digunakan untuk anak tiri dan kroni beliau untuk membayar perjudian HARAM di Las Vegas?

5. Halal kah Dana Awam digunakan oleh kroni beliau membuat pesta seks dan arak untuk berfoya-foya setelah disonglap?

6. 'Halal' kah alim ulama dalam negara duduk berdiam diri kerana jawatan dipegang tanpa memikirkan amanah agama atau jawapan yang perlu disediakan kerana tidak berani menegur kemungkaran ini di akhirat kelak?

Mungkin soalan-soalan ini perlu diajukan kepada alim ulama dalam negara ini.

Terima kasih dan Wasalam Tun.

Log in to Reply Simple Mind Jan 23,2018 9:50 AM

Assalam'kum Tun,

With regards to graduates selling Nasi lemak, I think this is a last resort for survival.

I think the economy is at fault. We are no longer a "cheap labour" country! Therefore, we need to restructure our economy. we have to move away from just assembling goods to a higher chain. In Singapore, as seen in CNA (Channel News Asia), they are embarking on 4th. generation of Industrialization. I think we are still at 2nd. generation.

If we do so, then we could make use of more graduates in these industries. Our factories need to automate, use less labour. In doing so, productivity increases and so will be able to pay higher wages.

I know, this is going to be a big challenge. Unless the people are prepared and informed, there will be many resistance to it. We have to be cruel, to be kind for the future of the country.

© 2018 Chedet — All Rights Reserved.

Source: <http://chedet.cc/?p=2759>